

D.R. 36/92

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta bagi meminda Akta Kemajuan Petroleum  
1974.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Dull Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut;

1. (I) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kemajuan Petroleum (Pindaan) 1992.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

2. Seksyen 6 Akta Kemajuan Petroleum 1974 adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (3), subseksyen baru (3A) dan (3e) yang berikut:

Pindaan seksyen 6. Akta 144.

*Akta* "(3A) Subseksyen (3) tidak boleh terpakai bagi mana-mana orang yang dilesenkan di bawah Akta Bekalan Gas 1992 untuk membekalkan gas kepada pengguna-pengguna melalui talian paip.

(3B) Bagi maksud subseksyen (3A), istilah "gas", "penggura" dan "talian paip" hendaklah mempunyai makna yang sama yang diberikan kepadanya masing-masing oleh Akta Bekalan Gas 1992."

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Kemajuan Petroleum 1974 (kemudian daripada ini disebut "Akta").

2. *Fasal 1* bertujuan membuat peruntukan bagi tarikh mula berkuatkuasanya Rang Undang-Undang ini.

3. *Fasal 2* bertujuan mengadakan dua subseksyen baru (3A) dan (3B) kepada seksyen 6. Subseksyen baru (3A) yang dicadangkan bertujuan untuk meniadakpakaikan peruntukan subseksyen 6(3) Akta kepada mana-mana orang yang dilesenkan di bawah Akta Bekalan Gas 1992 untuk membekalkan gas kepada pengguna-pengguna melalui talian paip. Ini bermakna orang tersebut tidak dikehendaki memohon kebenaran daripada Perdana Menteri di bawah subseksyen 6(1) dan (3) Akta untuk menjalankan perniagaan pemasaran atau pengagihan petroleum. Dengan cara ini kesukaran memohon kebenaran dan lesen di bawah dua perundangan yang berbeza bagi menjalankan satu perniagaan boleh dielakkan.

#### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1732.]